

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 1 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	MCMC, JSM terap kesedaran standard kepada orang ramai	Kosmo
2	MET jangka musim tengkujuh tidak jejas negeri Pantai Timur	Kosmo
3	Haze to last longer than expected	New Straits Times

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 19  
TARIKH: 1 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

## MCMC, JSM terap kesedaran standard kepada orang ramai

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) komited dalam memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan piawai-an terutama melibatkan produk komunikasi.

Ketua Bahagian Teknologi, Standard dan Piawai MCMC, Aisharuddin Nuruddin berkata, standard dapat memastikan keselamatan, kebolehpercayaan dan penjagaan alam sekitar.

"MCMC bertanggungjawab memastikan standard ini menepati piawai dalam sektor komunikasi dan multimedia.

"Justeru, Hari Standard Sedunia yang bertemakan *Standards, The World's Common Language* pada tahun ini akan berlangsung

pada 14 Oktober amat penting dalam memberi pendedahan kepada orang ramai tentang kepentingan piawai-an ini," katanya.

Selain, memastikan keselamatan, kebolehpercayaan dan penjagaan alam sekitar, beliau memberitahu, pematuhan kepada standard membolehkan pengguna bebas membuat pilihan terhadap peralatan serta penyedia perkhidmatan yang mereka suka.

Katanya, pembekal pula mendapat manfaat daripada skala ekonomi apabila produk-produk yang mematuhi standard boleh digunakan oleh pelbagai pihak.

"Teknologi juga memerlukan standard untuk berkomunikasi. Sebagai contoh, pernahkah terfikir bagaimana komputer meng-



FADILAH



AISHARUDDIN

hantar dokumen ke pencetak dari pengeluar berbeza. Standard menetapkan *common rules* dan parameter supaya sesuatu produk atau sistem dapat berfungsi antara satu sama lain.

"Format fail seperti standard Kumpulan Pakar Gambar Bergerak (MPEG) dan standard Kumpulan Pakar Fotografi Ber-gabung (JPEG) membolehkan

kita berkongsi video serta gambar menggunakan teknologi dari vendor yang berlainan," ujarnya.

Beliau menambah, standard juga sering dirujuk dalam undang-undang untuk melindungi pengguna dan mewujudkan persaingan perniagaan yang sihat.

Katanya, standard telah menjadi pendorong dan pemangkin dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara bagi menjamin kelangsungannya dalam bersaing di peringkat global ke arah menjadi sebuah negara maju.

Sementara itu **Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (JSM), Datuk Fadilah Baharin**, memberitahu, pihaknya telah mengadakan jelajah di sekolah-sekolah menengah dan universi-

ti di seluruh negara sejak tahun 2009.

"Jelajah berkenaan dilaksanakan bertujuan untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada para pengguna generasi muda berhubung kepentingan standard dalam kehidupan seharian mereka.

"Ini kerana masih ramai tidak mengetahui berhubung perihal standard ini. Kita ingin memastikan generasi muda ini mengenali standard bukan sahaja terhadap produk tetapi termasuk perkhidmatan, keselamatan dan banyak lagi," katanya.

Fadilah berkata, beliau meletakkan sasaran pada tahun 2030 usaha yang dilakukan ini akan dapat memperlihatkan hasil kerana menasarkankan generasi muda.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17  
TARIKH: 1 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

## MET jangka musim tengkujuh tidak jejas negeri Pantai Timur

**KUALA LUMPUR** - Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) menjangkakan kedatangan Monsun Timur Laut (MTL) atau musim tengkujuh pada hujung tahun ini tidak akan menjejaskan negeri di Pantai Timur Semenanjung seperti yang berlaku pada Disember tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, sepanjang tempoh MTL yang akan berlaku

pada pertengahan November sehingga awal Mac tahun depan, MET mendapati negeri-negeri seperti Kelantan, Pahang dan Terengganu akan menerima hujan pada paras normal.

"Kelantan dan Terengganu akan mendapat hujan normal pada November dan Disember manakala



CHE GAYAH

Januari hingga Mac, negeri-negeri itu akan mendapat hujan di bawah paras normal, namun dalam kuantiti yang tidak jauh berbeza.

"Sementara itu, bagi Pahang pula, negeri itu akan menerima hujan paras normal pada November tetapi dijangka di bawah paras normal pada Disember sebelum ke-

adaan kembali seperti biasa pada Januari hingga Mac," ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Semalam, *Kosmo!* melaporkan kejadian ribut seakan-akan puting beliung yang disertai hujan lebat di sekitar Tanah Merah, Kelantan hingga menyebabkan lebih 30 buah rumah, kedai dan bumbung sekolah ranap.

Ekoran kejadian tersebut, penduduk di Pantai Timur Semenanjung

khawatir kejadian banjir dan ribut yang berlaku pada akhir tahun lalu akan berulang kembali pada tahun ini.

Che Gayah turut berkata, kejadian seumpama itu adalah di luar bidang kuasa MET dan hujan merupakan salah satu faktor penyebab sahaja.

"Orang ramai diminta merujuk dengan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas," ujarnya.

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 6  
TARIKH: 1 OKTOBER 2015 (KHAMIS)



The MS 'SuperStar Gemini' cruise ship **docking at haze-choked HarbourFront** in Singapore yesterday. AFP pic

## Haze to last longer than expected

**KUALA LUMPUR:** The haze will last longer than expected as southwesterly winds carrying polluted air from Sumatra continues to blow towards Malaysia, quashing earlier wind predictions for a brief respite from the haze.

Meteorology Department officials said yesterday the earlier prediction for clearer skies was dampened after weak easterly winds were recorded.

"We expected easterly winds to blow the haze away, but the winds are weak and will only last for a day or two," an official told the *New Straits Times* yesterday.

The department had earlier predicted strong easterly winds would blow towards Malaysia, giving the country a respite from the choking haze.

Palangkaraya, the capital of Central Kalimantan, Indonesia, recorded an Air Pollutant Index (API) reading of almost 1,800, according to Indonesia's Meteorology, Climatology and Geophysics Agency.

Local media reports reported that

the haze there had paralysed daily activities and schools had been closed since Monday after a "haze emergency" was declared.

Haze in the region is caused by peat fires in Kalimantan. The situation there was reported to be dangerous two days ago before it became worse yesterday and was declared hazardous.

In Malaysia, 17 areas recorded an unhealthy air quality, as at 5pm yesterday, compared with 11 areas at 7pm last night.

The Department of Environment stated that Bukit Rambal, Malacca recorded the highest air pollutant index (API) reading of 148, followed by Port Dickson in Negri Sembilan (143).

The readings in Johor were as follows: Kota Tinggi (103); Larkin Lama (111); Muar (112); and Pasir Gudang (118).

Malacca recorded an API reading of 134.

Nilai recorded a reading of 123 and Seremban a reading of 119.

The API readings in Selangor were

as follows: Banting (138), Port Klang (115), Petaling Jaya (103) and Shah Alam (116).

Kemaman and Paka in Terengganu recorded readings of 119 and 108, respectively.

In Kuala Lumpur here, the API reading for Batu Muda was at 105, while in Putrajaya, the API reading was at 117.

Twenty-eight areas remained moderate, while eight areas — Alor Star, Langkawi, Tanah Merah, Kota Baru, Kangar, Keningau, Kapit and Limbang had good readings.

An API reading of between 0 and 50 is considered good, 51 to 100 is medium, and 101 to 200 is unhealthy.

Readings between 201 and 300 are considered very unhealthy, and 300 and above are hazardous.

Meanwhile, Bernama reported that the air quality in Singapore was at an unhealthy range with the Pollutant Standards Index (PSI) rising to 203, as at 3pm yesterday.

The hazy condition on the island is expected to persist today with the 24-hour PSI anticipated to be in high-end of the unhealthy range and low-end of the very unhealthy range, according to the National Environment Agency.

